

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Jawatan Kosong

1. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Sembilan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Taraf Jawatan	Kumpulan Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Jadual Gaji (Min. – Mak.)
1.	Pembantu Kemahiran - Mekanik (4 kekosongan)	H19	Tetap / Kontrak	Pelaksana	Kemahiran	RM1,377.00 RM4,052.00

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- iii) Pegawai yang sedang berkhidmat untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan mestilah berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan.
3. Syarat-Syarat Lantikan :

Jawatan 1

PEMBANTU KEMAHIRAN (MEKANIK) GRED H19

- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,377.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24).

**SYARAT
KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.


4. Cara Memohon :

- a) **Permohonan Untuk Jawatan Di Dalam Perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban** boleh dimuat turun selepas melengkapkan Borang Maklumat Pendaftaran di Para tujuh (7), dan satu (1) borang adalah terhad untuk satu (1) jawatan sahaja.
- b) Borang **Permohonan Untuk Jawatan Di Dalam Perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban** dan maklumat yang telah lengkap diisi perlu dihantar terus ke **Wisma MBS** atau melalui pos sahaja beserta **salinan maklumat-maklumat yang DIAKUI SAH** oleh **Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional seperti berikut:**
- i) Salinan kad pengenalan/MyKad;
(*telah dipalang 'untuk kegunaan MBS sahaja'*)
 - ii) Salinan Sijil Kelahiran;
 - iii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
 - iv) Salinan sijil-sijil persekolahan/akademik;
(contoh: SRP/PMR/PT3/SPM/SVM/STP/STPM/STAM/Dip./Ijazah)
 - v) Salinan transkrip bagi sijil yang berkenaan;
 - vi) **Sijil selain daripada sijil akademik tidak perlu disertakan;**
(**contoh: sijil kokurikulum, penghargaan, penyertaan, dll**)
 - vi) Gambar berukuran passport
(*selfie, scan, cetakan kertas tidak dibenarkan*) dan;
 - vii) Salinan lesen memandu (bagi jawatan berkaitan).
- c) Permohonan seperti berikut akan **ditolak:**
- i) Dokumen di para (b) (i – vi) tidak disertakan;
 - ii) **Tidak disertakan salinan pengiktirafan kelayakan IPTA/IPTS untuk perkhidmatan awam;**
(www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm)
 - iii) Borang dan maklumat tidak lengkap atau tidak jelas;
 - iv) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
 - v) **Tidak melalui Ketua Jabatan bagi pegawai/kakitangan kerajaan sedang berkhidmat.**
- d) Tarikh akhir tutup dan penghantaran borang **Permohonan Untuk Jawatan Di Dalam Perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban** adalah pada **14 September 2020 jam 5.00 petang**. Sebarang penghantaran borang selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

5. **Catatan Am (PENTING – SILA AMBIL PERHATIAN)**

- i) Sebarang tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri temuduga kelak tidak akan ditanggung oleh Majlis Bandaraya Seremban; dan
- ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam **(6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

6. Lengkapkan Borang Maklumat Pendaftaran dengan mengimbas **QR Code** atau **melalui capaian** yang disediakan sebelum memuat turun borang **Permohonan Untuk Jawatan Di Dalam Perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban.**

Bil	Jawatan Dan Gred	QR Code
1.	Pembantu Kemahiran (Mekanik) Gred H19 https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdFW1RhtqjF9gASO6iqK1KSYfPX9uPpKY1Mr4znDfL3UEhhHQ/viewform?usp=sf_link	

7. **Alamat Permohonan :**

**Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Seremban,
Wisma Bandaraya, Persiaran Forest Heights 1,
Jalan Seremban – Tampin, 70450 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
(u.p. : Jabatan Khidmat Pengurusan)
Tel : 06-7654780/4786/4787/4792/4793/4795/4798/4808/4811/4812**

**(DATO' HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Seremban.**